

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 16/9/2009

Dr. Mahathir berhak kritik sesiapa sahaja

um- 16/9/2009

KUALA LUMPUR 15 Sept. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhak mengkritik sesiapa sahaja kerana beliau adalah negarawan yang banyak berjasa kepada pelbagai pihak termasuk MIC dan para pemimpin parti itu di negara ini. Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu pun naik ke mercu kerjaya pada era Dr. Mahathir. Katanya, sebahagian besar kemu-

dahan yang diterima MIC selama ini adalah pemberian bekas Perdana Menteri melalui Samy Vellu atau pemimpin lain. “Dr. Mahathir berhak kritik sesiapa sahaja asalkan beliau menunjukkan kewarasan (dalam kritiknya), beliau adalah negarawan, kalau beliau kata MIC tidak mampu mewakili masyarakat India, maka ini adalah kenyataan, lihatlah kepada perpecahan dalam masyarakat India dan kewujudan kumpulan Hindraf,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini. Seorang perwakilan MIC telah mencadangkan agar gambar Dr. Mahathir diletakkan kalungan selipar kerana beliau telah mencampuri urusan dalaman MIC melalui komen beliau dalam sebuah akhbar berbahasa Tamil. Cadangan tindakan bersifat penghinaan dan kurang ajar itu dibuat semasa Perhimpunan Agung MIC minggu lalu.

Rais menambah, MIC perlu mengambil tindakan tegas ke atas perwakilan berkenaan kerana kata-kata itu satu penghinaan kepada orang Melayu dan tokoh pimpinan negara ini. Beliau juga mahu UMNO dan Barisan Nasional (BN) bertindak tegas supaya perbuatan kurang ajar dan kurang aman budi bahasa tidak berlaku. “Kalau tidak diambil tindakan, maka ia satu perbuatan dayus kerana kenyataan itu dibuat dalam satu dewan yang penuh,” katanya.

Malah, beliau mencadangkan agar kepimpinan MIC membawa perwakilan berkenaan bertemu Dr. Mahathir bagi memohon maaf secara bersemuka. Rais juga berharap isu seperti itu tidak akan berakhir melalui kenyataan-kenyataan di media sahaja dan tindakan segera harus diambil. Tegas beliau, sikap seumpama itu harus dihentikan dari mula agar ia tidak merebak menjadi budaya yang merosakkan BN.